



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**CAMPUR KOD DAN ALIH KOD:  
SUATU ANALISIS SOSIOLINGUISTIK DALAM PEMBELAJARAN  
BAHASA MELAYU**

**FARIDAH BINTI NAZIR**

**FBMK 2003 17**

**CAMPUR KOD DAN ALIH KOD :  
SUATU ANALISIS SOSIOLINGUISTIK DALAM PEMBELAJARAN  
BAHASA MELAYU**

**Oleh**

**FARIDAH BINTI NAZIR**

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sastera**

**Disember 2003**

## **DEDIKASI**

Khas untuk putera-puteraku:

Putera Danial Fikri

dan

Putera Harith Fikri,

Kalian pendorong kejayaan Umi.

**Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera**

**CAMPUR KOD DAN ALIH KOD :  
SUATU ANALISIS SOSIOLINGUISTIK DALAM PEMBELAJARAN  
BAHASA MELAYU**

**Oleh**

**FARIDAH BINTI NAZIR**

**Disember 2003**

**Pengerusi : Profesor Madya Noor Aina Dani, Ph.D.**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ilmiah ini dijalankan untuk mengenal pasti fenomena campur kod dan alih kod di kalangan pelajar-pelajar di dua buah sekolah, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Kumbar, Pulau Pinang (luar bandar) dan Sekolah Menengah Kebangsaan USJ 4, Selangor (bandar). Sebanyak tiga puluh sembilan sampel dipilih di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat aliran Sains. Kajian ini meneliti jenis-jenis campur kod dan alih kod , tujuan melakukannya, faktor-faktor ekstralinguistik yang menyebabkan pelajar-pelajar melakukannya serta sama ada kedua-dua fenomena tersebut membantu pelajar memahami sesuatu topik perbincangan. Data kajian ini dikumpulkan ketika perbincangan topik karangan dan merumuskan karangan bahasa Melayu melalui teknik pemerhatian langsung dengan dibantu oleh kaedah rakaman spontan, catatan diari bahasa dan borang maklumat diri pelajar.

Melalui data yang dikumpulkan didapati bahawa campur kod yang dilakukan di sekolah luar bandar ialah pada peringkat perkataan, frasa dan imbuhan manakala di sekolah bandar

campur kod pada peringkat perkataan, kata hubung dan penggandaan perkataan dilakukan. Alih kod yang dilakukan di sekolah luar bandar pula ialah pada peringkat lausa dan frasa sahaja. Manakala di sekolah bandar alih kod yang dilakukan ialah pada peringkat klausa, frasa dan ayat. Faktor-faktor ekstralinguistik yang menyebabkan kedua-dua fenomena berlaku ialah peserta, ciri fizikal, kecekapan bahasa, minat kepada sesuatu bahasa, hubungan erat antara penutur dengan orang yang disapa, situasi dan topik.

Campur kod dilakukan dengan tujuan menunjukkan keupayaan peribadi dan ketepatan sesuatu mesej serta celahan di sekolah bandar dan luar bandar dengan tambahan tujuan untuk petikan dan menjelaskan sesuatu mesej di sekolah bandar. Alih kod pula dilakukan untuk menunjukkan keupayaan peribadi dan ketepatan sesuatu mesej serta penjelasan mesej. Dua tujuan serentak, iaitu penjelasan mesej dan celahan dilakukan di sekolah luar bandar manakala tujuan untuk menentukan orang yang disapa menerima mesej dan pengulangan dilakukan di sekolah bandar.

Campur kod dan alih kod membantu pelajar-pelajar mengemukakan idea-idea berasas berkaitan topik perbincangan. Secara tidak langsung, karangan dan rumusan yang dihasilkan lebih baik daripada segi isinya kerana tiada masalah kekangan bahasa. Walaupun begitu, campur kod dan alih kod bukanlah bentuk bahasa yang disarankan ketika pembelajaran bahasa Melayu tetapi hanya dicadangkan penggunaannya ketika perbincangan dijalankan memandangkan fungsi bahasa Melayu baku yang penting.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia as fulfilment  
of the requirements for the degree of Master of Arts

**CODE MIXING AND CODE SWITCHING :  
A SOSIOLINGUISTIC ANALYSIS IN NATIONAL  
LANGUAGE LEARNING**

By

**FARIDAH BINTI NAZIR**

**December 2003**

**Chairman : Profesor Madya Noor Aina Dani, Ph.D.**

**Faculty : Modern Language and Communication**

This academic study is conducted to determine the phenomenon of code mixing and code switching among students in Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Kumbar, Penang (rural area) and Sekolah Menengah Kebangsaan USJ 4, Selangor (urban area). Thirty nine subjects were selected among form four Science students to determine the type of codes mixing and switching, their purposes, extralinguistic factors and whether it can help students to understand certain topic of discussion. The data for this study are collected during discussion of an essay topic and formulation of the national language essays through direct observation technique with the helps of spontaneous recording method, records of language diary and a personal information form for the students.

Code mixing is used in the rural school at the stage of word, phrase and supplement, whereas in the urban school, code mixing is used at the stage of word, conjunction and reduplication of words. Code switching is used in the rural school at the stage of clause and

phrase only; whereas in the urban school, a variety of code switching is performed, i.e. at the stage of clause, phrase and sentence. The extralinguistic factors that influence codes mixing and switching are the participants themselves, physical features, language acumen, interest in a certain language, close relationship between the speaker and the person spoken to, the situation and topic.

In the rural school, code mixing is performed to show the personal capability and the accuracy of a certain message and its interruption. Meanwhile, in the urban school code mixing is performed not only to show the personal capability but also to extract phrases and to explain certain message. Code switching is also performed to explain message and to show personal capability and accuracy of a certain message . Both purposes that is the explanation of message and interruption are performed simultaneously in rural school, whereas the purpose of ascertaining that a person in conversations receives the message and its repetition is performed in the urban school.

Codes mixing and switching help students to enhance their communication skills in presenting their constructive ideas concerning the topic in discussion. Indirectly, essay and summary have more quality from the aspect of their contents because there is no language constraint. Nevertheless, codes mixing and switching are not the forms of language which are suggested during the learning of the national language but the usages are recommended during discussion only, owing to the importance of standard Malay language.

## **PENGHARGAAN**

Bersyukur saya ke hadrat Allah Subhanahu wataala kerana dengan limpah kurnia-Nya telah membolehkan saya menyiapkan tesis ini dalam jangka masa yang ditetapkan.

Alhamdulillah dan ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada Prof. Madya Dr. Noor Aina Dani selaku pengurus jawatan kuasa penyeliaan tesis ini yang tidak jemu-jemu menyelia dan menegur kesilapan dalam proses menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya segala bimbingan dan tunjuk ajar beliau amat berguna kepada saya untuk menyiapkan tesis ini.

Ucapan ribuan terima kasih juga ditujukan kepada Prof. Dr.Hj Amat Juhari Moain dan Dr. Media Sandra Kasih selaku ahli-ahli dalam jawatan kuasa penyeliaan tesis ini yang banyak menegur dan membetulkan kesilapan tesis ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Selangor, Jabatan Pendidikan Pulau Pinang dan kepada pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan USJ 4, Subang Jaya, Selangor serta pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Kumbar, Bayan Lepas, Pulau Pinang yang telah memberi kerjasama dan membenarkan saya menjalankan kajian ini yang melibatkan pelajar-pelajar di sekolah terbabit.

Ucapan terima kasih tidak terhingga juga saya hulurkan kepada Cik Mazna, Encik Azmir, Encik Wan dan Puan Lau, iaitu guru-guru bahasa Melayu di kedua-dua buah sekolah di mana kajian ini dijalankan di atas kerjasama yang diberikan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Encik Mubin yang telah membantu saya dalam proses menaip tesis ini.

Seterusnya ucapan terima kasih tidak terhingga juga ditujukan kepada seluruh ahli keluarga saya yang sentiasa mendorong dan memberi perangsang agar saya berjaya. Sesungguhnya jasa kalian hanya Allah yang dapat membalasnya.

Sekian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	ix
PENGAKUAN	xi
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
 <b>BAB</b>	
<b>I. PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
Latar Belakang Kajian	1
Definisi Operasional	2
Pernyataan Masalah	11
Batasan Kajian	14
Objektif Kajian	15
Kepentingan Kajian	15
 <b>II. SOROTAN LITERATUR</b>	 18
Definisi yang Tidak Membezakan Campur Kod dan Alih Kod	19
Istilah Pinjaman	19
Kajian Campur Kod dan Alih Kod	22
Kajian Aspek Linguistik	22
Kajian Aspek Sosiolinguistik	28
Kajian Pengkaji Asing	29
Kajian Pengkaji Tempatan	42
Tumpuan Kajian	50
 <b>III METODOLOGI KAJIAN</b>	 54
Reka Bentuk Kajian	54
Kerangka Teoretis	54
Kerangka Konsepsi	58
Tempat Kajian	59
Populasi dan Persampelan	60
Kaedah Kajian	62
Pendekatan Kajian	63
Alat Kajian	67

Keesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	71
Tata Cara Kajian	72
Kaedah Penganalisaan Data	76
<b>IV. KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>78</b>
Persembahan dan Dapatan	78
Langkah Pengenalan	79
Jenis Campur Kod dan Alih Kod	79
Aspek Ekstralinguistik yang Mempengaruhi Campur Kod dan Alih Kod	79
Langkah Tafsiran	114
Tujuan Melakukan Campur Kod dan Alih Kod	114
Langkah Penggolongan	142
Sama Ada campur Kod dan Alih Kod Membantu Pelajar Memahami Perbincangan	142
Perbincangan	151
Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	170
Implikasi Dapatan Kajian	174
<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>176</b>
Rumusan	176
Cadangan	177
Cadangan Kajian Lanjutan	179
<b>BIBILIOGRAFI</b>	<b>180</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>187</b>
1. Petikan Merumuskan Karangan dan Catatan Diari Bahasa	187
2. Borang Maklumat Diri Pelajar	228
3. Senarai Bunyi Bahasa dan Transkripsi Fonetik	307
4. Surat-Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan	323
<b>BIODATA PENULIS</b>	<b>330</b>

## **SENARAI JADUAL**

Jadual	Muka Surat
1 Persampelan Rawak Berlapis	61
2 Contoh Jadual Kekerapan Campur Kod dan Alih Kod	70
3 Kekerapan Campur Kod Pelajar di Bandar	99
4 Kekerapan Alih Kod Pelajar di Bandar	103
5 Kekerapan Campur Kod Pelajar di Luar Bandar	107
6 Kekerapan Alih Kod Pelajar di Luar Bandar	111
7 Tujuan Pelajar-Pelajar di Bandar Melakukan Campur Kod	114
8 Tujuan Pelajar-Pelajar di Bandar Melakukan Alih Kod	122
9 Tujuan Pelajar-Pelajar di Luar Bandar Melakukan Campur Kod	127
10 Tujuan Pelajar-Pelajar di Luar Bandar Melakukan Alih Kod	140

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Bentuk Alih Kod yang Berlaku di Kalangan Pelajar	38
2	Kerangka Kerja Teoretis Kajian	56
3	Kerangka Konsepsi	58
4	Kaedah Lapangan Kajian	67
5	Kaedah Penganalisisan Data	77

## **SENARAI SINGKATAN**

<b>AK</b>	- Alih Kod
<b>Bhs</b>	- Bahasa
<b>BI</b>	- Bahasa Inggeris
<b>BM</b>	- Bahasa Melayu
<b>CK</b>	- Campur Kod
<b>IPTA</b>	- Institusi Pengajian Tinggi Awam
<b>IPTS</b>	- Institusi Pengajian Tinggi Swasta
<b>Jan</b>	- Jantina
<b>JK</b>	- Jenis Kebangsaan
<b>K</b>	- Kebangsaan
<b>Ketu</b>	- Keturunan
<b>PMR</b>	- Penilaian Menengah Rendah
<b>Ren</b>	- Rendah
<b>Sek</b>	- Sekolah
<b>Tpk</b>	- Topik
<b>Umu</b>	- Umur
<b>UPSR</b>	- Ujian Penilaian Sekolah Rendah

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### Latar Belakang Kajian

Malaysia adalah sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum dan bersifat *multilingual*. Tiga golongan kaum yang utama di Malaysia ialah Melayu, Cina dan India. Ketiga-tiga golongan kaum ini dapat menuturkan pelbagai bahasa dan dialek seperti bahasa Melayu, Inggeris, Tamil, Mandarin, Kantonis, Hokkien, Hakka, Hainan, Teochew dan sebagainya. Menurut Asmah (1992:1), jumlah bahasa yang dituturkan oleh rakyat Malaysia dianggarkan sebanyak 80 jenis. Jumlah ini merangkumi bahasa orang Asli di Semenanjung Malaysia, bahasa golongan bumiputera di Sabah dan Sarawak, bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Arab, bahasa Thai, bahasa Kreol Baba-Nyonya, dan bahasa Kreol Portugis dan bahasa-bahasa yang lain. Situasi kepelbagaian bahasa ini disebabkan oleh faktor agama, penjajahan dan perpindahan. Faktor agama misalnya telah memperkenalkan orang-orang Melayu kepada bahasa Arab melalui sekolah-sekolah agama pondok atau madrasah. Faktor penjajahan pula telah memperkenalkan bahasa Thai, Portugis dan Inggeris kepada rakyat di negara ini, manakala faktor perpindahan kaum pula, khususnya kaum Cina dan India, secara tidak langsung telah memperkenalkan pelbagai dialek bahasa Cina dan bahasa Tamil termasuk bahasa Sinhalese (Sri Lanka) (Asmah 1992:2-6).

Kepelbagaian bahasa yang terdapat di Malaysia telah mewujudkan rakyat negara ini yang menuturkan dwibahasa (*bilingual*) atau lebih. Masyarakat Malaysia biasanya akan

menguasai bahasa ibunda kaum masing-masing sebagai bahasa pertama, sebelum mempelajari bahasa Inggeris di sekolah. Bahasa Melayu adalah bahasa ibunda masyarakat Melayu manakala bahasa kedua dan seterusnya yang dikuasai oleh masyarakat Melayu ialah bahasa Arab dan bahasa Inggeris melalui pembelajaran di sekolah. Golongan bukan Melayu pula akan menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris selepas menguasai bahasa ibunda masing-masing.

Kewujudan kelompok dwibahasa di kalangan masyarakat Malaysia telah menggalakkan fenomena campur kod dan alih kod. Fenomena ini juga berlaku disebabkan tahap penguasaan bahasa kedua yang berbeza-beza. Menurut Platt & Platt (1980:14): - ada tiga tahap penguasaan bahasa kedua, iaitu basilek, mesolek dan akrolek. Basilek ialah tahap penguasaan bahasa kedua yang paling rendah dan biasanya dituturkan oleh golongan berpendidikan rendah, mesolek pula merujuk kepada penguasaan bahasa kedua pada tahap sederhana yang dituturkan oleh golongan yang berpendidikan sederhana manakala akrolek pula ialah tahap penguasaan bahasa kedua yang tinggi dan dituturkan oleh golongan yang berpendidikan tinggi.

### **Definisi Operasional**

Konsep yang didefinisikan di bahagian ini ialah kod, campur kod, alih kod, campur kod dalam pembelajaran bahasa Melayu, alih kod dalam pembelajaran bahasa Melayu, kesan campur kod dalam pembelajaran bahasa Melayu dan kesan alih kod dalam pembelajaran bahasa Melayu.

## **Kod**

Fano (1950: 8) dan Jakobson (1952: 2) mendefinisikan kod sebagai gaya sebutan yang berbeza untuk sesuatu bahasa yang sama. Menurut Richards et.al (1985:42) pula, kod ialah istilah lain untuk bahasa dan dialek. Definisi yang diberikan ini seiring dengan definisi oleh Gibbons (1987:1), Faltis (1989:2) dan Meeunis (1988:76) yang menyatakan bahawa kod ialah bahasa atau dialek yang dituturkan oleh seseorang.

Walau bagaimanapun, Caccamo (1998:27), mengkritik definisi kod yang diberikan oleh Fano dan Jakobson, kerana definisi yang diberikan oleh kedua-dua pengkaji tersebut menurutnya bukanlah bahasa atau kod tetapi melibatkan gaya sebutan. Menurut Caccamo lagi sesuatu kod ketika berlakunya campur kod dan alih kod adalah penggunaan bahasa atau dialek yang berbeza dalam pertuturan.

Dalam kajian ini kod didefinisikan sebagai penggunaan bahasa dan dialek yang berbeza dalam pertuturan. Sehubungan dengan itu, jika disebut campur kod dan alih kod, ini berinakna percampuran dan pengalihan bahasa serta dialek yang berbeza yakni penggunaan bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan dialek yang dituturkan oleh pelajar ketika pembelajaran bahasa Melayu.

## **Campur Kod**

Definisi yang diberikan tentang campur kod sangat terhad dan kerap kali tidak dibezakan daripada alih kod dan pinjaman. Walaupun begitu, terdapat juga sebilangan pengkaji yang telah dapat memberikan definisi yang jelas dan tepat. Appel dan Muysken (1987:118), menyatakan campur kod berlaku apabila sesuatu perkataan atau frasa atau klausu bahasa atau dialek lain dicampurkan ke dalam ayat sesuatu bahasa lain yang dituturkan oleh penutur dwibahasa yang fasih dalam kedua-dua bahasa tersebut.

P. Balasubramaniam (1988:197) mendefinisikan campur kod sebagai “satu proses pemindahan unit-unit linguistik seperti imbuhan dan perkataan dari satu kod bahasa ke kod bahasa yang lain.”

Bokamba (1988:44) pula mendefinisikan campur kod sebagai penggunaan pelbagai unit linguistik seperti frasa dan perkataan daripada dua sistem tatabahasa yang berlainan dalam satu ayat.

Yimidhirr (1988:4) turut mendefinisikan campur kod sebagai percampuran sesuatu perkataan daripada bahasa lain ke dalam ayat sesuatu bahasa yang dituturkan oleh penutur dwibahasa.

Cozen P. (1996:1) juga, turut menyatakan bahawa campur kod melibatkan percampuran unsur bahasa seperti perkataan satu bahasa yang lain daripada bahasa yang sedang dituturkan.

Noor Aina Dani (1998:1) juga, turut mendefinisikan campur kod sebagai percampuran unsur-unsur bahasa seperti klausa, frasa, perkataan, imbuhan dan kata penegas daripada kod bahasa lain ke dalam ayat sesuatu bahasa yang sedang dituturkan.

Untuk kajian ini pengkaji mendefinisikan campur kod sebagai percampuran unit linguistik seperti klausa, frasa, perkataan, imbuhan atau kata penegas sesuatu bahasa atau dialek dalam ayat sesuatu bahasa yang lain, secara bercampur aduk.

### **Alih Kod**

Definisi alih kod yang dikemukakan dalam bahagian ini ialah definisi yang diberikan oleh beberapa orang pengkaji tempatan dan asing. Semua pengkaji ini telah dapat membezakan antara campur kod dengan alih kod dan pinjaman.

Pengkaji-pengkaji tempatan seperti Wong Khek Seng (1978), Asmah Haji Omar (1982), Maimon (1985), Ong Kin Suan (1990), Zailah (1994) dan Mohamad Ghazali (1998) mendefinisikan alih kod sebagai pengalihan bahasa yang dilakukan oleh seseorang penutur daripada satu bahasa yang sedang dituturkan kepada bahasa lain secara berurutan.

Richards et.al (1985: 43) mendefinisikan alih kod sebagai pengalihan yang dilakukan oleh penutur daripada satu bahasa kepada bahasa lain dalam pertuturan. Seseorang penutur dikatakan memulakan pertuturan dengan frasa atau ayat sesuatu

bahasa dan kemudian beralih kepada frasa atau ayat bahasa lain sama ada dalam perbualan atau dalam ayat yang digunakan ketika berbual.

Crystal (1987:2) menyatakan bahawa alih kod berlaku apabila penutur dwibahasa menggunakan dua bahasa atau dialek yang berlainan secara berganti-ganti dalam perbualan dengan golongan dwibahasa yang lain.

Berthold, Mangubai dan Bartorowicz (1997:2-13) pula menyatakan bahawa alih kod berlaku apabila penutur menukar daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain dalam pertuturan.

Auer (1998:1) pula, mendefinisikan alih kod sebagai penggunaan secara silih berganti antara dua atau lebih kod bahasa atau dialek dalam sesuatu perbualan. Definisi alih kod yang sama turut dikemukakan oleh Brice (1999:2) dan Hammink (2000:1).

Pada pendapat pengkaji, alih kod berlaku apabila seseorang penutur beralih kepada sesuatu bahasa atau dialek lain sama ada dalam ayat atau dalam perbualan. Fenomena ini lazimnya berlaku di kalangan mereka yang mengetahui dua atau lebih daripada dua bahasa yang berlainan. Fenomena alih kod ini boleh berlaku sama ada pada peringkat klausa atau frasa dalam ayat secara berurutan atau pada peringkat ayat dalam sesuatu perbualan. Berikut adalah contoh alih kod antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris yang kerap ditemui seperti yang dikemukakan oleh Jacobson (Ozog, 1995:26).

- i. Alih kod dalam ayat
  - a. Apa Li cakap dengan emak, *flight on Sunday* ?
  - b. *Women are able to balance their duties, in the office, at home, as a mother, as wife*, tapi berapa ramai yang pandai menyeimbangkan?
- ii. Alih kod dalam perbualan

Sham : *Well, if you want to be an engineer, you've to be good at your Maths and your... ...*

Hisyam : *Physics*

Sham : *How about your Chemistry?*

Hisham : *Chemistry okay. I'm quite good at Chemistry.*

Sham : *Engineer itu banyak bidang, civil engineering, mechanical engineering, computer engineering and all sorts of engineering.*

Jadi, Hisham nak jadi jurutera jenis apa?

Pada pendapat pengkaji alih kod pada peringkat leksikal (kata) seperti alih kod kata tempelan atau *tag mixing*, yakni penambahan perkataan bahasa lain dalam pertuturan yang tiada kena-mengena dengan kata tempelan tersebut seperti yang dikemukakan oleh Romaine (1989), sebenarnya ialah campur kod kerana fenomena ini tidak menepati definisi alih kod yang dikemukakan oleh kebanyakan pengkaji. Menurut Romaine (1989:112), kata tempelan biasanya mematuhi rumus ayat sesuatu bahasa, oleh itu penambahannya dilakukan dengan mudah di tempat tertentu dalam pertuturan. Contoh

kata tempelan dalam bahasa Inggeris, ialah *you know*, *I mean* dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pendapat Poplack (1980:58) tentang alih kod antara ayat (*intersentential*) dan alih kod intra ayat (*intrasentential*) menepati definisi alih kod yang telah dikemukakan.

Alih kod intra ayat (*intrasentential*) misalnya ialah alih kod yang berlaku dalam frasa atau ayat. Contoh yang dikemukakan oleh Romaine (1989:113) ialah alih kod Tok Pisin ke bahasa Inggeris iaitu, *What's so funny? Come, be good, otherwise, yu bai go long kot.* Maksudnya “apa yang sangat lucu, mari, bersikap baiklah atau awak akan pergi ke mahkamah.” Alih kod dalam ayat juga boleh menyebabkan campur kod dalam suku kata perkataan, misalnya suku kata ‘*pa*’ di dalam perkataan ‘*shoppa*’ dalam bahasa Punjabi bermaksud *shops* atau kedai-kedai, (Romaine 1985: 31).

Alih kod antara ayat (*intersentential*) pula, melibatkan alih kod antara sempadan klausa atau ayat. Alih kod bentuk ini memerlukan kefasihan dalam kedua-dua bahasa yang dituturkan. Romaine (1985: 38) memberi contoh, alih kod antara bahasa Inggeris dan Punjabi, iaitu *I'm guilty in the sense / kε ziada wəsi English I bolde fer ode nal eda hənde kε tohadi jeri zaban εna ?*. Penandaan / menunjukkan sempadan ayat antara bahasa Inggeris dan bahasa Punjabi.

Dalam kajian ini, pengkaji mendefinisikan alih kod sebagai pengalihan bahasa atau dialek yang berlaku pada peringkat klausa dan frasa dalam ayat serta pengalihan yang berlaku dalam perbualan, iaitu antara sempadan ayat.